



i Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

Home > Newspaper Catalogue > Berita Harian > 1968 > January > 1 > Page 10 > Halaman 10 Iklan Ruangan 3



Halaman 10 Iklan Ruangan 3

Berita Harian, 1 January 1968, Page 10

Share    



Save Citation

<< Previous Article Last Article

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ada-lah di-pelawa daripada Pemborong yang ada berpengalaman dan yang berdaftar di-Pejabat Pesurohjaya Tanah dan Galian, Selangor, Jalan Clarke, Kuala Lumpur. Mereka yang belum berdaftar boleh-lah meminta mendaftarkan diri sebagai pemborong yang berdaftar di-Pejabat Pesurohjaya Tanah dan Galian, Selangor bagi menjalankan pekerjaan seperti berikut :-

- (i) Menjaga dan membersehkan teres2 sa-luas 4 kaki;
- (ii) Menjaga anak2 getah daripada di-lliti oleh akar2 dan kachang penutop bumi;
- (iii) Memotong semua tunas2 dan dahan2 yang tidak di-kehendakki;
- (iv) Menchabut semua anak2 getah yang tidak di-kehendakki dan menyulam semua anak2 getah yang mati dengan anak2 chantum; dan
- (v) Menghapuskan semua lalang2, anak2 kayu dan tumbuhan yang lain2 seperti pisang2 hutan yang tumbuh di-kawasan di-antara teres2;
- (vi) Membuboh baja ka-Ranchangan2 Getah. (Banyaknya baja saperti di-shorkan oleh Penyelidekan Getah).

2. Ranchangan2 Tanah yang hendak di-kerjakan itu ada-lah saperti berikut :-

Nama Ranchangan	Daerah	Luas Kawasan Getah
-----------------	--------	--------------------

Nama Ranchangan	Daerah	Luas Kawasan Getah
1. Ayer Hitam	Ulu Langat	105 ekar
2. Labu (Lanjut)	Kuala Langat	300 ekar
3. Sungai Tekali Peringkat III	Ulu Langat	550.5 ekar
4. Sungai Merab Peringkat I	Ulu Langat	510 ekar
5. Sungai Merab Peringkat II	Ulu Langat	492 ekar
6. Sungai Serai Peringkat III	Ulu Selangor	401.2 ekar
7. Sungai Serai Peringkat II	Ulu Selangor	234.5 ekar
8. Ulu Rening	Ulu Selangor	503 ekar

3. Tawaran2 hendak-lah di-sertakan dengan Resit Perbendaharaan sa-banyak \$500.00 di-kirimkan dalam sampul surat bertutup dan di-alamatkan kepada Pesurohjaya Tanah dan Galian, Selangor, Jalan Clarke, Kuala Lumpur, tidak lewat daripada pukol 12.00 tengah hari bersamaan hari Isnin 8hb. Januari, 1968. Resit2 Perbendaharaan sa-banyak \$500.00 hendak-lah di-sertakan dengan tiap2 satu tawaran. Tawaran yang berasingan hendak-lah di-buat bagi tiap2 ranchangan.

4. Tawaran tidak akan di-timbangkan jika sekira-nya tidak mengikut sharat2 yang di-nyatakan di-atas.

5. Borang2 tawaran dan keterangan selanjutnya boleh-lah di-dapati daripada Pejabat Pesurohjaya Tanah





dan Galian, Selangor, Jalan Clarke, Kuala Lumpur dalam masa hari bekerja.

5. Kerajaan tidak akan terlibat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran jua.
(P.T.G. Sel. 78 Vol. II)

(JOHAN BIN MOHD. YASSIN)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Selangor.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Permohonan Untuk Masuk Ka-Sekolah2 Menengah Vokesenal Malaysia Barat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari penuntut2 sekolah2 menerima bantuan penuh untuk mengikuti kursus pelajaran vokesenal di-Sekolah2 Menengah Vokesenal, Pulau Pinang, Ipoh, Johore Bahru, Kuantan, Alor Gajah, Butterworth dan Pengkalan Chepa, Kelantan. Penuntut2 yang mengikuti kursus ini akan berpeluang memasuki peperiksaan Sijil Pelajaran Vokesenal Malaysia yang akan di-adakan pertama kali-nya pada akhir tahun 1969.

Jenis Kursus:

Mata-pelajaran2 yang di-ajar di-Sekolah Menengah Vokesenal ini ia-lah (1) Bahasa Melayu, (2) Bahasa Inggeris, (3) Pengajian Kemasyarakatan, (4) Ilmu Hisab, (5) Ilmu Sains, (6) Pengetahuan Ugama Islam dan (7) Salah satu daripada mata-pelajaran2 yang berikut:

- * Pepasangan letrik (Electrical installation).
- * Rawatan Radio & T.V. (Radio & T.V. servicing).
- * Latehan mesin shop (Machine shop practice).
- Kerja2 Kepingan Logam & Kimpalan (Sheet metalwork & welding).

Kajisawat Motor (Motor Mechanics).

Binaan Bangunan (Building construction).

* Kursus bagi mata-pelajaran ini tidak ada di-Sekolah2 Menengah Vokesenal Butterworth, Alor Gajah dan Pengkalan Chepa dalam tahun 1968.

Kelayakan:

Pemohon2 di-kehendaki mendapat sekurang2-nya pangkat B dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran/Lower Certificate of Education. Keutamaan ada-lah di-beri kapada chalun2 yang mendapat lulus sa-kurang2-nya dalam mata-pelajaran2 Ilmu Sains I/II, Seni Perusahaan atau Pertukangan Kayu atau Pertukangan Logam dan Lukisan Teknikal.

Bahasa Pengantar:

Bahasa Melayu dan Inggeris.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Ketua2 Pegawai Pelajaran Negeri atau dari Guru Besar. Sekolah2 Menengah Vokesenal yang berkennaan.

Permohonan untuk borang2 hendak-lah di-sertakan dengan satu sampul surat (4" x 9") bersetem yang telah di-isi dengan alamat pemohon2. Borang2 Permohonan yang telah di-isi hendak-lah sampai kepada Ketua Pegawai Pelajaran Negeri tempat chalun2 tinggal tidak lewat dari 13hb. Januari, 1968.



TAYANGAN HARI RAYA PUASA

Tiap2 Hari 5 pertunjukan
jam 11-1-3-6.45 dan 9.15

Lagu2 Muzikal — Babak2 asmara dan luchu,

hiboran yang dahshat. P. Ramlee — Rose

Yatimah A.R. Tompel dan Ibrahim Din dalam

"ANAK BAPAK"

MERDEKASCOPE



[Report Vulnerability !\[\]\(c507f772dba2b921f86777f01218e570_img.jpg\)](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore

Last Updated 2023-01-31